

Transformasi kehidupan wanita Arab Saudi

Di bawah daya usaha Wawasan 2030, Putera Mahkota Mohammed bin Salman telah memperkenalkan beberapa pembaharuan yang memberi tumpuan kepada memajukan wanita Arab Saudi dalam pelbagai bidang.

Selain mengurangkan kebergantungannya terhadap hasil minyak, Wawasan 2030 mahu mengubah struktur sosial negara itu dengan membenarkan golongan wanita memainkan peranan lebih besar dalam bidang ekonomi.

Langkah-langkah yang diambil itu seiring perubahan ekonomi yang dilaksanakan oleh Arab Saudi, yang mahu melihat penyepaduan wanita yang lebih besar ke dalam tenaga kerja negara Islam konservatif itu.

Dr Hanaa Almoaibed, penyelidik di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Islam Raja Faisal, atau dikenali sebagai KFCRIS, dalam kuliahnya bertajuk, *Cabaran Ekonomi & Sosial di Timur Tengah: Wanita dan Belia – Kuasa Perubahan*, anjuran Institut Timur Tengah (MEI), Universiti Nasional Singapura (NUS) baru-baru ini, beliau memberikan gambaran keseluruhan tentang Arab Saudi dan Visi 2030. Beliau menekankan kepentingan wanita dan belia dalam konteks ini.

“Sejak 2010, Arab Saudi telah mengalami pertumbuhan pesat. Perubahan besar berlaku selepas 2016 dengan pelancaran Wawasan 2030. Visi ini memacu perubahan sosial, ekonomi dan budaya di Arab Saudi.

“Visi ini turut menyaksikan transformasi yang sedang berlaku di Arab Saudi, khususnya dalam pemerkasaan wanita dan belia.

“Seiring dengan perubahan yang berlaku, Arab Saudi terus berusaha untuk mencapai potensi penuh mereka dalam pelbagai aspek kehidupan.

“Sejak pelancaran Visi 2030, Arab Saudi telah mengalami pembaharuan yang mendalam dalam sektor awam, pekerjaan dan hak asasi,” ujar Dr Hanaa.

Perangkaan demografi terkini yang dikeluarkan pada 2022 menunjukkan populasi Arab Saudi berjumlah 32.2 juta, dengan 58.4 peratus adalah warga Saudi dan 41.6 peratus adalah warga asing.



TURUT BEKERJA: Wanita Arab Saudi dilihat memasang alat hawa dingin di sebuah kilang di Dammam, di wilayah timur Arab Saudi pada 15 Ogos 2023. – Foto AFP

Penduduk belia di bawah usia 30 tahun mencapai 63 peratus, dengan usia purata warga Saudi adalah 25 tahun.

Dr Hanaa menjelaskan struktur peluang memberi tumpuan pada peralihan pendidikan ke pekerjaan dalam kalangan wanita.

Beliau turut mengkaji faktor tarikan dan dorongan yang membentuk peluang kerja di dalam kerajaan.

“Wanita negara ini kini boleh membuka perniagaan sendiri tanpa perlu meminta kebenaran daripada suami atau saudara lelaki, selaras dengan usaha kerajaan Arab Saudi untuk mengembangkan sektor swasta.

“Kementerian Perdagangan dan Pelaburan di dalam laman sesawang rasminya berkata wanita juga akan mendapat manfaat e-perkhidmatan daripada kerajaan tanpa perlu membuktikan mereka mendapat keizinan,” ujarnya.

Salah satu perkembangan paling ketara adalah penggunaan e-kerajaan yang telah berkembang pesat.

Semua perkhidmatan awam kini boleh diakses melalui telefon bimbit, termasuk pembaharuan pasport, lesen memandu, bayaran denda dan banyak lagi.

Portal pekerjaan dalam talian turut memudahkan rakyat mencari pekerjaan dan memohon secara digital, tambahnya.

Menurut Dr Hanna lagi, salah satu perubahan undang-undang yang paling utama ialah undang-undang status peribadi atau lebih dikenali sebagai undang-undang penjaan.

Melalui undang-undang itu, wanita kini diberi lebih kuasa dalam membuat keputusan. Mereka boleh mengeluarkan pasport, kad pengenalan, mendaftar kelahiran anak tanpa keperluan persetujuan daripada penjaga lelaki.

“Kebebasan untuk bekerja dan melancong tanpa keperluan izin juga adalah antara perubahan yang memberi kesan besar kepada wanita Arab Saudi.

Selain itu, wanita juga boleh menjadi ke-



“Sejak 2010, Arab Saudi telah mengalami pertumbuhan yang pesat. Perubahan besar berlaku selepas 2016 dengan pelancaran Wawasan 2030. Visi ini memacu perubahan sosial, ekonomi dan budaya di Arab Saudi.

Visi ini turut menyaksikan transformasi yang sedang berlaku di

Arab Saudi, khususnya dalam pemerkasaan wanita dan belia. Seiring dengan perubahan yang berlaku, Arab Saudi terus berusaha untuk mencapai potensi penuh mereka dalam pelbagai aspek kehidupan.”

– Dr Hanaa Almoaibed, penyelidik di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Islam Raja Faisal, atau dikenali sebagai KFCRIS.

tua isi rumah, suatu perkembangan yang sebelum ini dilihat mustahil.

“Perubahan ini bukan sahaja menunjukkan Arab Saudi sedang menuju ke arah moden, bahkan juga menunjukkan kezamaman kerajaan dalam memastikan hak dan peluang sama rata diberikan kepada semua rakyatnya, tanpa mengira jantina,” jelas Dr Hanaa.

Menyentuh mengenai peluang pekerjaan pula, Dr Hanaa menggariskan bagaimana laluan tradisional ke pekerjaan berubah.

Sebelum ini, lelaki biasanya akan bekerja dalam sektor kerajaan atau perniagaan keluarga, sementara wanita kebanyakannya dalam pendidikan atau perubatan.

Namun, trend itu berubah dengan meningkatnya peluang di sektor swasta.

Selain itu, Dr Hanaa menyorot langkah penting oleh Majlis Menteri pada 2016 yang menghapuskan kuasa ‘polis moral’, yang sebelumnya mengawasi interaksi lelaki dan wanita di tempat awam.

Bagi segmen pendidikan, Dr Hanaa menyorot bagaimana perubahan pendidikan di Arab Saudi telah berlaku.

Di antara 1950-an hingga 1980-an, banyak rakyat Arab Saudi hanya menerima pendidikan asas. Namun, dengan pembukaan sekolah-sekolah awam, universiti dan program biasiswa antarabangsa, peluang pendidikan telah berkembang dengan pesat.

Pada hari ini, 55 peratus lulusan sekolah menengah meneruskan pengajian ke program ijazah sarjana muda.

Pada 2017, 66.75 peratus daripada keseluruhan pelajar yang mendaftar di universiti memilih jurusan dalam bidang kemanusiaan, sains sosial atau pentadbiran perniagaan.

“Agama masih memainkan peranan penting dalam kehidupan rakyat. Meskipun banyak kegiatan hiburan baru diperkenalkan kerajaan, kehidupan sehari-hari masyarakat tetap dipengaruhi oleh warisan dan sistem kepercayaan Islam,” ujar Dr Hanaa. –

NIZAM ISMAIL